

berkemampuan.

"Pihak yayasan giat membantu Kementerian Kesihatan dalam mengenal pasti pesakit yang benar-benar memerlukan bantuan bagi menanggung kos rawatan dialisis yang semakin meningkat dari masa ke semasa," katanya.

Mengulas lebih lanjut mengenai NKE, Dr. Zaki memberitahu, yayasan tersebut kini mempunyai 23 buah pusat dialisis dan bertindak sebagai pembekal perkhidmatan dialisis utama di negara ini.

"Namun dewasa ini, tumpuan kami tidak terbatas kepada penyediaan perkhidmatan dialisis semata-mata," katanya.

Jelajanya lagi, di negara ini hampir 55 peratus daripada pesakit dialisis baru adalah penghidap kencing manis dan hasil dialisis adalah kritikal bagi mereka yang menghidap kencing manis.

Malangnya, penyakit kencing manis jenis dua ini tidak dapat dikesan untuk selama bertahun-tahun.

"Pada ketika itu, pengambilan gula berlebihan tanpa kawalan boleh mengakibatkan kerosakan tisu dan organ pada badan seperti saluran darah, mata dan buah pinggang," ujarnya.

Maka dengan itu saringan kesihatan, khususnya ujian air kencing dan juga pemeriksaan darah, adalah perlu bagi rakyat Malaysia.

Pemeriksaan ini bertujuan bagi



**CHEF Wan bersama Dr. Zaki Morad sempena sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2010.**

memupuk kesedaran di kalangan rakyat Malaysia tentang bahaya penyakit kencing manis serta kaedah pencegahannya.

Sementara itu, sempena sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2010, NKF akan melancarkan kempen pemeriksaan kesihatan di pusat beli-belah 1 Utama, Petaling Jaya pada 14 Mac ini.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk para pengunjung termasuk demonstrasi memasak oleh Datuk Chef Wan dan diikuti oleh aktiviti jalan kaki Amazing Kidneys Walk Mani yang terbuka untuk penyertaan kepada pengunjung, termasuk pesakit dialisis dan ahli keluarga mereka.

Acara jalan kaki ini dianjurkan untuk

Di Malaysia, terdapat 20,000 pesakit dialisis dan kerajaan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan sedang giat dalam mengenal pasti pesakit yang benar-benar memerlukan bantuan bagi menanggung kos rawatan dialisis yang semakin meningkat dari masa ke semasa

tujuan mengutip dana bagi pesakit-pesakit yang miskin dan amat memerlukan bantuan.

Bagi mereka yang ingin memperoleh maklumat yang lebih terperinci berhubung dengan aktiviti sambutan WKD 2010 ini, sila hubungi talian bebas tol NKF di 1300-88-3110 atau layari laman sesawang [www.nkf.org.my](http://www.nkf.org.my).